



Media baru **bebas salur maklumat** kepada orang ramai.

[GAMBAR HIASAN]

MEDIA

Peranan media membangunkan negara

Ada pihak yang sengaja menyalahkan media apabila tindakan mereka menganjurkan rusuhan menjelang Tahun Baharu menjadi pengetahuan umum.

Mereka menuduh media arus perdana memihak kepada kerajaan, sedangkan matlamat penerbitan adalah untuk mengajak rakyat bersatu hati dan mengelak tindakan yang boleh menjejaskan keselamatan awam.

Media massa mempunyai fungsi yang tersendiri walaupun pelbagai penafsiran yang diberikan. Secara amnya, sarjana komunikasi bersetuju bahawa media massa mempunyai empat peranan utama iaitu pemerhati, pentafsir, penghubung dan penghibur.

Keempat-empat peranan ini boleh dilihat dengan jelas berdasarkan sasaran setiap media terbabit dan pengisiannya, adakah ia memberikan manfaat kepada pembaca.

Namun, setiap fungsi mempunyai kebaikan dan keburukan tersendiri. Pembaca sewajarnya dapat menilai baik dan buruk suatu media bagi memastikan mereka memperoleh maklumat sebenarnya.

Peranan media massa sebagai 'pemerhati' boleh ditafsirkan sebagai yang mengawasi peristiwa yang berlaku. Justeru, tidak menyalahi kepentingan awam apabila media mendedahkan ancaman keselamatan yang cuba dilakukan pelbagai pihak.

Bahang menakutkan

Hari ini isu kalimah Allah menjadi bahang yang menakutkan. Ada pihak yang sengaja bertindak keterlaluan bagi memancing tumpuan ramai. Media baru menyokong mereka, tapi media tradisional bertindak waras mendedahkan kesan buruk tindakan mereka.

Secara amnya, media massa

memainkan peranan untuk membangunkan negara ini walaupun ada pihak beranggapan tidak ada kebebasan media.

Konsep kebebasan dalam rangkanya sendiri yang mana kerajaan memainkan peranan dalam menentukan media berfungsi sebaiknya dalam masyarakat.

Ruang tetap diberikan kepada media untuk berfungsi sebagai pemerhati dan pentafsir.

Kesimpulannya, media memainkan peranannya dengan baik di negara ini. Semua peranannya berfungsi, tetapi masih ada ruang untuk diperbaiki lagi. Biar pun ada menyebut kerajaan mengekang media, tetapi dengan wujudnya media baru melalui internet kebebasan diberikan sepenuhnya kepada media.

Noor Maghfirah Mohamed Ali
USIM